

**Kerjasama bawa transformasi
Utusan Online
12 Mac, 2012
Oleh HERMAN HAMID**

PEKAN 11 Mac – Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kerjasama mega antara DRB-Hicom Berhad dengan Volkswagen AG bakal mengukuhkan usaha mentransformasikan Pekan bersama bandar Kuantan, Gambang dan Gebeng menjadi pusat pertumbuhan ekonomi utama negara seperti di Lembah Klang.

Menurut Perdana Menteri, kerjasama yang dimulakan dengan pengeluaran Volkswagen Passat pemasangan tempatan (CKD) di Kompleks Automotif DRB-Hicom di sini sahaja bakal menyaksikan pelaburan mencecah RM1 bilion dalam masa empat tahun.

Katanya, keseluruhannya menjelang 2015, pembangunan kelompok bandar berkenaan yang turut merangkumi Taman Automotif Pekan bakal menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak RM12 bilion.

“Saya juga ingin melihat lebih banyak model Volkswagen dipasang di kilang di Pekan ini dan seterusnya apa yang kita harapkan Pekan ini jadi pusat automotif antarabangsa menjadi realiti,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Volkswagen Passat CKD di Kompleks Automotif DRB-Hicom di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, Pengerusi DRB-Hicom Berhad, Datuk Syed Mohamad Syed Murtaza, Pengarah Urusan Kumpulan DRB-Hicom Berhad, Datuk Seri Mohd. Khamil Jamil dan Ketua Perkilangan Luar Negara Volkswagen AG, Dr. Christof Spathelf.

Menurut Najib, kerjasama ini memperlihatkan pembangunan secara keseluruhan daripada modal insan menerusi Kolej Antarabangsa Automotif Malaysia (I-CAM) yang akan mencapai status Kolej Universiti dalam tempoh beberapa tahun lagi sampailah kepada usaha pembangunan vendor yang lebih meluas.

“Saya percaya usaha ini juga memberi kesan dari segi pembangunan prasarana termasuk rangkaian jalan raya, jaringan hubungan yang lengkap dan moden termasuk perkhidmatan jalur lebar, pusat pengajian dan juga kemudahan sosial yang akan dibangunkan di kawasan ini.

“Dari aspek peluang pekerjaan sahaja akan menyaksikan pertambahan kakitangan di Kompleks DRB-Hicom daripada 2,300 melonjak kepada 3,300 orang malah saya difahamkan kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) untuk DRB-Hicom juga bakal dipusatkan di Pekan,” ujarnya.

Sementara itu, Najib berkata, kerjasama antara DRB-Hicom dan Volkswagen AG yang disaksikan hari ini memperlihatkan peningkatan keyakinan pelaburan syarikat terkemuka antarabangsa kepada ekonomi negara.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0312&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm